



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

KENYATAAN MEDIA

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

STATUS TERKINI LESEN OPERASI LYNAS MALAYSIA SDN BHD

Pada 23 Oktober 2023, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah membuat pertimbangan untuk mengemas kini syarat lesen operasi Lynas yang sedang berkuat kuasa meliputi kebenaran mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (NORM) sehingga tamat tempoh sah lesen, iaitu pada Mac 2026.

Pertimbangan ini juga membenarkan aktiviti *Cracking & Leaching (C&L)* diteruskan tertakluk kepada syarat bahawa Lynas hendaklah memastikan kandungan radioaktif dalam residu *Water Leach Purification (WLP)* di bawah 1 Bq/g melalui program R&D yang diterajui oleh pakar tempatan.

Keputusan LPTA dibuat berdasarkan dapatan kajian awal di peringkat makmal yang menunjukkan bahawa bahan radioaktif thorium boleh diekstrak keluar daripada residu WLP sehingga residu ini boleh dilepaskan daripada kawalan perundangan di bawah Akta 304.

MOSTI yakin dengan perkembangan ini, operasi berkaitan menepati kawalan perundangan, melindungi kepentingan rakyat dan seterusnya negara akan mampu menarik pelaburan yang berbilion ringgit nilainya dalam industri nadir bumi tempatan bagi menyokong industri pembuatan bahan termaju berteknologi tinggi.

Sekian.

CHANG LIH KANG
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

24 Oktober 2023